

2.4.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PBAPP MEMPERUNTUKKAN RM631 JUTA UNTUK PROJEK AIR DI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2026

- **Peruntukan perbelanjaan modal (CAPEX) tertinggi dalam sejarah: RM631 juta bagi tahun 2026 berbanding RM363 juta pada tahun 2025.**
- **Projek utama: Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang baharu berkapasiti 114 JLH, pengambilan tanah bagi LRA Sungai Perai baharu berkapasiti 136 JLH serta peluasan tambahan LRA Sungai Dua berkapasiti 1,342 JLH.**
- **Sumber pembiayaan: Keuntungan tahun 2025 dan program sukuk berjumlah RM5 bilion.**

PULAU PINANG, Khamis, 2.4.2026: PBAPP merancang untuk melabur RM631 juta dalam perbelanjaan modal (CAPEX) bagi projek bekalan air pada tahun 2026. Peruntukan CAPEX tahunan ini merupakan yang terbesar setakat ini dalam sejarah bekalan air di Pulau Pinang.

Lima (5) komponen utama yang menerima peruntukan CAPEX tertinggi pada tahun 2026 adalah:

1. **Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang berkapasiti 114 juta liter sehari (JLH) serta kerja-kerja paip berkaitan:** LRA ini di Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan komponen ketiga di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030). Ia dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2026.

Apabila mula beroperasi, status Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) berkapasiti 86,400 juta liter (ML) akan berubah daripada “empangan simpanan strategik ketika kemarau” kepada “empangan dwifungsi”.

LRA Taman Mengkuang akan melepaskan air dari empangan ini setiap hari untuk menghasilkan lebih banyak air terawat di SPT bagi bekalan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, PBAPP akan menguruskan rizab EMD dengan teliti bagi memastikan bekalan air yang mencukupi sentiasa tersedia untuk kegunaan kecemasan di LRA Sungai Dua, khususnya berkaitan kemungkinan ada isu di Sungai Muda.

2. **Pengambilan tanah bagi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Perai berkapasiti 136 JLH:** LRA ini merupakan sebahagian daripada Skim Bekalan Air Sungai Perai, iaitu satu lagi komponen di bawah WCP 2030. Ia dijadualkan siap pada tahun 2031.
3. **Pengambilan tanah bagi projek-projek peluasan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua berkapasiti 1,342 MLD di Seberang Perai Utara (SPU):** Pembinaan kolamimbangan kedua di hujung Terusan Sungai Dua, penambahbaikan modul kitar semula sisa loji rawatan air, sebuah tangki air jernih tambahan serta sebuah menara tangki air bertingkat bagi meningkatkan kapasiti simpanan air terawat.
4. **Pengambilan tanah dan kerja-kerja paip bagi saluran paip khusus air terawat berdiameter 1,800mm dari Macallum ke Bukit Dumbar:** Saluran paip tambahan sepanjang 3.2 km ini akan menyalurkan lebih banyak air terawat dari tapak pendaratan Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Pulau Pinang Ketiga (PTSP ke-3) ke Kompleks Kolam air dan Rumah Pam Bukit Dumbar di Pulau Pinang. Projek ini merupakan satu lagi komponen di bawah WCP 2030, yang bertujuan untuk menyalurkan lebih banyak air dari tanah besar ke bahagian pulau.
5. **Pengambilan tanah bagi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Muda berkapasiti 114 JLH di Seberang Perai Utara (SPU):** LRA Sungai Muda merupakan projek di bawah projek WCP 2030 yang bertujuan merawat lebih banyak air di SPU untuk agihan di kawasan tersebut. LRA Sungai Muda dijadualkan siap pada tahun 2031.

Jumlah keseluruhan peruntukan CAPEX bagi lima (5) projek infrastruktur bekalan air kritikal ini adalah kira-kira RM387 juta, atau 61.3% daripada jumlah peruntukan CAPEX PBAPP bagi tahun 2026.

Baki 39% daripada peruntukan CAPEX akan digunakan untuk pelbagai projek pemasangan atau penggantian paip, projek penggantian meter (bagi menyokong penambahbaikan pengurusan air tidak berhasil atau NRW), projek penaiktarafan LRA, serta pembinaan kolam air baharu di Bukit Penara dan Bukit Dumbar.

Pembiayaan CAPEX 2026

Dalam laporan kewangan interim bertarikh 31.12.2025, PBA Holdings Bhd (PBAHB), iaitu syarikat pegangan tersenarai awam bagi PBAPP, telah mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) belum diaudit sebanyak kira-kira RM115 juta bagi tahun kewangan 2025.

Selepas pembayaran dividen kepada pemegang saham PBAHB, kira-kira RM100 juta daripada PAT tahun 2025 akan disalurkan semula secara langsung sebagai pelaburan CAPEX PBAPP bagi tahun 2026.

PBAPP merancang untuk membiayai baki RM531 juta daripada peruntukan CAPEX 2026 melalui penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) di bawah program sukuk PBAPP bernilai RM5 bilion.

Peruntukan CAPEX PBAPP bagi tahun 2026 serta struktur pembiayaannya mencerminkan perkara-perkara berikut:

- Pulau Pinang tidak boleh kehabisan bekalan air. Sebagai operator bekalan air negeri, PBAPP komited untuk melaksanakan projek-projek utama bekalan air, khususnya projek WCP 2030, bagi memastikan kecukupan bekalan air sehingga tahun 2030 demi manfaat rakyat dan negeri Pulau Pinang.
- PBAPP akan terus menaik taraf perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang, selaras dengan komitmen PBAPP terhadap standard ISO 9001:2015 ke arah penambahbaikan berterusan.
- Keuntungan tahunan yang dijana oleh PBAPP daripada penjualan air dan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang sebahagian besarnya dilaburkan semula sebagai CAPEX bagi menaik taraf infrastruktur bekalan air di negeri ini demi manfaat rakyat dan perniagaan yang beroperasi di Pulau Pinang.
- Program sukuk PBAPP bernilai RM5 bilion akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjana dana bagi projek-projek bekalan air yang kritikal, mendesak dan mampan di Pulau Pinang.
- PBAPP turut menyokong visi Kerajaan Negeri “Penang2030” untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai “sebuah negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara.”

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my



114 juta liter sehari LRA Taman Mengkuang dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2026.
The 114 million litres per day Mengkuang Park WTP is scheduled for completion by the end of 2026.



1,342 juta liter sehari Loji Rawatan Air Sungai Dua | 1,342 million liters per day Sungai Dua Water Treatment Plant.

© PBAPP 2026